## KAJIAN PEMELIHARAAN RUMAH KEDAI DI JALAN BESAR DAN JALAN MAHKOTA, KUANTAN

## MOHD NIZAM BIN SAMSUDIN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Senibina

Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia

19 SEPT 2002

## SINOPSIS

Permasalahan pemeliharaan fasad rumah kedai telah wujud semenjak beberapa dekad yang dahulu lagi. Ini kerana adanya kesedaran dari pihak-pihak tertentu tentang kepentingan-kepentingannya.

Setiap dari kita berasal dari pelbagai etnik yang berbeza. Maka ini telah

mewujudkan beberapa kumpulan yang berbeza dari segi bahasa, nilai hidup dan budaya. Kemusnahan bangunan-bangunan lama bererti kemusnahan terhadap nilai-nilai bangsa.

Rupafasad-rupafasad yang perlu dipelihara ialah rupafasad yang akan dapat mengimbau kembali zaman kegemilangan atau kecanggihan fasad sehingga ianya mampu untuk memberi sedikit sebanyak sumber pengetahuan kepada generasi masakini dan juga akan menyumbangkan ke arah peningkatan ekonomi negara.

Tetapi di dalam keghairahan beberapa pihak menjalankan proses pemeliharaan ini telah timbul salah faham mengenai konseppemeliharaan. Adakalanya projek pemeliharaan fasad dilakukan menyalahi konsepnya yang sebenar sehingga mencacatkan atau menambahkan lagi kerosakan rupafasad. Perkara ini terjadi apabila adanya penambahan-penambahan elemen-elemen baru kepada rupafasad ataupun penggunaan kemasan-kemasan yang berbeza daripada bahan binaannya yang asal.

Kajian yang akan dijalankan ini akan merangkumi pemahaman tentang istilah-istilah dan konsep-konsep pemeliharaan bangunan dan kerja-kerja pemeliharaan fasad luaran bangunan rumah kedai masakini. Di akhir kajian saya akan membuat satu rumusan tentang pemeliharaan bangunan lama secara teori dan praktikal yang telah dijalankan. Kesimpulan dari kajian ini kelak akan saya gunakan di dalam membantu saya untuk membuat satu cadangan garispanduan mengenai pemeliharaan rupafasad rumah kedai secara am.